



14 Mac 2016  
14 March 2016  
P.U. (A) 61

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PENJARA (PAROL) (PINDAAN) 2016

*PRISON (PAROLE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENJARA 1995

PERATURAN-PERATURAN PENJARA (PAROL) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 67 Akta Penjara 1995 [*Akta 537*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penjara (Parol) (Pindaan) 2016**.  
  
(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2016.

**Peraturan baharu 1A**

2. Peraturan-Peraturan Penjara (Parol) 2010 [P.U. (A) 430/2010], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 1 peraturan yang berikut:

**“Pemakaian**

- 1A. Peraturan-Peraturan ini hendaklah juga terpakai kepada banduan yang dipindahkan ke Malaysia di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 [*Akta 754*].”.

**Pindaan peraturan 6**

3. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Sesuatu Lembaga Parol hendaklah—

- (a) bersidang untuk menimbang permohonan bagi pembebasan parol seseorang banduan dalam masa empat belas hari dari tarikh banduan itu layak untuk parol; dan